Intisari dan Terjemahan Kitab:

((حسن المقصد في عمل المولد))

Karangan: Al-Imam Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuti

Disediakan oleh: Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله وسلام على عباده الذين اصطفى.

Al-Imam As-Suyuti telah ditanya mengenai amalan Maulid Nabi pada bulan Rabi'ulawal. Apakah hukumnya? Adakah ianya terpuji atau tercela? Adakah yang melakukannya mendapat dosa atau mendapat pahala?

Beliau memulakan jawapan dengan menjelaskan apakah yang difahami daripada amalan Maulid Nabi. Maka beliau menjelaskan bahawa amalan Maulid Nabi pada asalnya terdiri dari beberapa perkara:

- Perkumpulan manusia
- Membaca beberapa ayat-ayat Al-Quran
- Meriwayatkan khabar-khabar yang disebutkan mengenai awal kejadian Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam dan tanda-tanda yang berlaku ketika kelahiran Baginda
- Jamuan makanan.
- Bersurai.

Semua itu tanpa apa-apa tambahan perbuatan lain padanya.

Maka Maulid Nabi yang sedemikian itu termasuk daripada bid'ah hasanah (bid'ah yang baik) yang diberi pahala bagi sesiapa yang melakukannya, kerana padanya ada unsur mengagungkan Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam, dan bergembira atas kelahiran Baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam.

Sejarah Amalan Maulid Nabi

- Orang pertama yang melakukan Maulid Nabi ialah pemerintah Irbil, Raja Al-Muzaffar Abu Sa'id Kaukabri bin Zainiddin 'Ali bin Baktakin.
- Beliau merupakan salah seorang dari pemerintah yang mulia, dan beliau ada meninggalkan kesan-kesan yang baik. Beliaulah yang menghidupkan masjid besar Al-Muzaffari yang terletak di kaki gunung Qasiyun.
- Beliau menyambut Maulid Nabi pada bulan Rabi'ulawal dengan sambutan besar-besaran. Beliau juga seorang pahlawan yang berani, lagi 'alim.

- Syeikh Abul Khitob bin Dihyah telah menuliskan baginya suatu Kitab Maulid Nabi yang dinamakan ((At-Tanwir fi Maulid Al-Basyir An-Nadzir)). Kerana itu beliau dihadiahkan oleh raja wang sebanyak 1000 dinar.
- Diceritakan bahawa pada jamuan untuk Maulid Nabi tersebut raja Al-Muzaffar menyediakan sebanyak 5000 ekor kambing salai, 10,000 ekor ayam, 100 ekor kuda, 100,000 biji mangkuk susu, dan 30,000 pinggan manisan.
- Sambutan Maulid Nabi tersebut dihadiri oleh para Ulama' dan ahli-ahli Sufi. Raja memberi hadiah dan pakaian kepada mereka, dan beliau mengadakan majlis Sama' untuk ahli-ahli Sufi daripada Zuhur hingga subuh esoknya, beliau turut ikut serta menari (Ar-Raqsu) bersama mereka.
- Beliau membelanjakan untuk sambutan Maulid Nabi setiap tahun sebanyak 300,000 dinar.
- Beliau juga mempunyai suatu tempat untuk menerima utusan dari mana-mana pihak, dan beliau membelanjakan sebanyak 100,000 dinar bagi tempat ini setiap tahun.
- Beliau membelanjakan sebanyak 100,000 dinar setiap tahun untuk membebaskan tawanan perang daripada orang-orang Eropah.
- Beliau membelanjakan sebanyak 30,000 dinar setiap tahun untuk perbelanjaan tanah Al-Haramain.

- Isteri beliau menceritakan bahawa pakaiannya bernilai tidak sampai 5 dirham. Beliau berkata: Aku memakai baju bernilai 5 dirham dan mensedekahkan bakinya lebih baik daripada memakai pakaian yang mahal sedangkan aku meninggalkan orang faqir dan miskin.
- Al-Hafiz Abul Khitob bin Dihyah merupakan salah seorang daripada Ulama' yang masyhur pada ketika itu, beliau datang dari Maghrib, lalu masuk ke Syam dan 'Iraq, kemudian beliau melintas Irbil pada tahun 604 H, lalu beliau dapati rajanya Muzaffaruddin bin Zainiddin mengambil berat akan Mulid Nabi, maka ia pun menuliskan buatnya Kitab ((At-Tanwir fi Maulid Al-Bashir An-Nadzir)), dan beliau membacakannya sendiri kepada raja, maka ia pun dihadiahkan dengan wang 1000 dinar.
- Ibnu Khallikan berkata bahawa beliau pernah mendengar pembacaan kitab itu di sisi Sultan pada ketika itu dalam 6 majlis, iaitu pada tahun 625 H.

Perkataan Syeikh Tajuddin Al-Lakhmi mengenai amalan Maulid

As-Syeikh Tajuddin 'Umar bin 'Ali Al-Lakhmi As-Sakandari, yang masyhur dengan nama Al-Fakihani, iaitu daripada Ulama Mutaakhirin dalam Mazhab Maliki mendakwa bahawa amalan Maulid merupakan suatu bid'ah madzmumah (bid'ah yang tercela), dan beliau telah menulis sebuah Kitab mengenai yang demikian itu bernama: ((Al-Maurid fil Kalam 'ala 'Amali Al-Maulid)). Imam As-Suyuthi lalu menaqal perkataannya, untuk kemudiannya beliau memberi ulasan selepas itu.

Di antara isi-isi perkataan Imam Al-Lakhmi ialah:

- Beliau tidak mendapati bagi Maulid ini suatu asal pun di dalam Kitab Allah, dan Sunnah Rasul-Nya Sallallahu 'alaihi Wasallam. Dan tidak juga ada diriwayatkan mengenai amalan ini daripada mana-mana Ulama' umat ini.
- Maulid ini bahkan merupakan suatu bid'ah yang diada-adakan oleh orang-orang yang bodoh, dan sekadar memenuhi nafsu syahwat bagi mereka yang lemah.

- Dalilnya ialah, kerana amalan Maulid ini jika kita sesuaikan dengan hukum taklif yang 5: iaitu Maulid ini hukumnya sama ada wajib, mandub, mubah (harus), makruh, atau haram, maka sudah tentu ia bukan wajib secara Ijma'. Dan ia juga bukan mandub, kerana mandub ialah: Apa yang dituntut oleh Syara' tanpa apa-apa celaan ke atas mereka yang meninggalkannya. Adapun Maulid ini, maka ianya tidak diizinkan oleh Syara', dan tidak juga dilakukan oleh para Sahabat dan Tabi'in, dan tidak juga oleh para Ulama' lain yang kuat berugama.
- Dan tidak boleh juga ianya dikatakan mubah, kerana bid'ah di dalam ugama itu – secara Ijma' – bukan mubah.
- Maka sudah tentulah Maulid itu sama ada ianya makruh atau haram.
- Maka Maulid itu ada dua keadaan:
    1) Seseorang itu melakukannya dengan perbelanjaannya sendiri, buat ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya dan kerabatnya, serta tidak pula mendekati apa-apa yang haram. Maka inilah yang kami sifatkan ia sebagai bid'ah yang makruh lagi teruk, kerana ia tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun sebelum ini daripada ahli-ahli ketaatan yang terdiri daripada para Fuqaha' dan Ulama'.

2) Terkandung di dalam sambutan Maulid itu suatu jenayah, jika ia diadakan dengan menggunakan sumbangan orang lain. Yang mana seseorang itu memberikan suatu sumbangan sedangkan dirinya tidak rela, dan hatinya sakit dan pedih daripada apa yang ia sedari daripada penyakit kezaliman. Berkata sebahagian Ulama': Mengambil harta dengan perasaan malu itu seperti mengambilnya dengan pedang.

Apatah lagi apabila ditambah padanya nyanyian dengan alat-alat yang batil daripada gendang-gendang, dan seruling, serta berkumpul di antara lelaki dewasa bersama remaja lelaki, dan wanita dewasa bersama remaja perempuan, iaitu sama ada bergaul bersama-sama mereka atau sebagai pemerhati, dan menari-nari dengan gerakan melompat-lompat atau menggoyangkan badan, serta tenggelam dalam kelalaian, dan lupa akan hari Qiamat.

Dan begitu juga para wanita apabila berkumpul sesama mereka sambil mengangkat suara mereka, dan mengalunkan suara dalam nyanyian, dan membaca Al-Quran dengan melampaui apa yang disyari'atkan dan yang biasanya, sedangkan mereka

leka akan firman Allah yang kira-kira maknanya: [Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Memerhati.]

Maka yang demikian itu tentulah haram, hanya saja ia dilihat elok bagi orang-orang yang hatinya sudah mati, dan belum bebas daripada dosa.

Tambahan lagi, mereka memandang perkara itu sebagai 'Ibadat dan bukan daripada perkara-perkara yang mungkar dan haram.

- Bulan Rabi'ulawal yang menjadi bulan kelahiran Baginda itu ialah bulan yang sama Baginda wafat, maka kegembiraan pada bulan itu bukanlah lebih utama daripada kesedihan pada bulan itu.

Inilah di antara ringkasan isi-isi penting di dalam perkataan Imam Al-Lakhmi.

Kritikan bagi perkataan Syeikh Tajuddin Al-Lakhmi

Selepas menaqal perkataan Imam Al-Lakhmi keseluruhannya, Imam As-Suyuti mula melakukan kritikan bagi perkataan Imam tersebut. Antaranya:

- Tidak tahu tidak melazimkan ianya tidak ada. Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-'Asqalani ada mengeluarkan bagi Maulid suatu asal daripada Sunnah, begitu juga Imam As-Suyuti sendiri ada mengeluarkan baginya asal yang kedua, dan ianya akan disebutkan selepas ini.
- Maulid pertama sekali diadakan oleh seorang raja yang adil lagi soleh, bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Ianya juga dihadiri oleh para Ulama' dan orang-orang soleh tanpa mereka mengingkarinya. Ibnu Dihyah yang merupakan seorang Ulama' yang masyhur juga meredhainya, malah menuliskan buatnya satu kitab.
- Sesungguhnya tuntutan Syara' bagi mandub itu kadang-kala dengan nas, dan kadang-kala dengan Qiyas iaitu ketika tiada nas, maka bagi Maulid ini dua asal yang diqiyaskan dengannya, yang akan disebutkan kemudian.
- Imam As-Suyuti tidak bersetuju bahawa bid'ah secara mutlak itu tidak harus secara Ijma', kerana bid'ah itu tidak terhad kepada

makruh dan haram sahaja, bahkan boleh jadi ianya mubah, mandub dan wajib.

Apakah dia Bid'ah?

Imam As-Suyuti lalu menjelaskan dan menaqalkan perkataan Ulama' mengenai Bid'ah.

- Berkata Imam An-Nawawi dalam Kitab ((Tahzibul Asma wa Al-Lughat)): Bid'ah mengikut Syara' ialah mengada-adakan suatu perkara yang tidak ada pada zaman Rasulillah Sallallahu 'alaihi Wasallam, dan ianya terbahagi kepada: hasanah (baik) dan sayyiah (buruk).
- Berkata As-Syeikh 'Izzuddin bin 'Abdissalam dalam Kitab ((Al-Qawa'id)): Bid'ah itu terbahagi kepada: wajib, haram, mandub, makruh, dan mubah (harus). Cara mengetahuinya ialah dengan membandingkannya dengan kaedah-kaedah Syara', jika ia termasuk dalam kaedah wajib maka ia wajib, atau jika ia termasuk dalam kaedah haram maka ia haram, atau termasuk dalam kaedah mandub maka ia mandub, atau makruh maka ia makruh, atau mubah maka ia mubah. Kemudian beliau (Syeikh 'Izzuddin) menyebutkan contoh-contoh bagi setiap pembahagian yang 5 itu.

- Contoh Bid'ah yang mandub itu seperti: Mengadakan ribat dan sekolah-sekolah, dan apa-apa saja bentuk kebaikan yang tiada pada zaman pertama.
- Imam Al-Baihaqi meriwayatkan dalam Kitab ((Manaqib As-Syafi'i)) daripada As-Syafi'i beliau berkata: Perkara-perkara baru itu ada dua jenis: pertamanya iaitu apa yang diada-adakan daripada perkara-perkara yang menyalahi Al-Quran, atau Sunnah, atau Athar, atau Ijma', maka inilah Bid'ah Dholalah (sesat). Keduanya iaitu apa yang diada-adakan daripada perkara-perkara kebaikan yang tiada khilaf padanya daripada perkara-perkara yang telah disebutkan, maka inilah perkara baru yang tidak tercela.
- Saidina 'Umar berkata mengenai Qiyam pada bulan Ramadhan: Ini ialah sebaik-baik Bid'ah. Yakni ianya perkara baru yang tidak pernah dilakukan, namun ianya tidak menyalahi apa yang sebelumnya.
- Maka dengan itu, telah terbatallah perkataan Syeikh Tajuddin Al-Lakhmi yang telah disebutkan.
- Maulid merupakan suatu perkara baru yang tidak menyalahi Al-Quran, Sunnah, Athar, ataupun Ijma', maka ianya tidak tercela sepertimana yang disebutkan oleh As-Syafi'i.
- Dan ianya daripada perkara baik yang tidak pernah dilakukan pada zaman pertama, kerana sesungguhnya perbuatan memberi makan

yang tiada padanya perbuatan dosa itu merupakan suatu perkara baik, maka ianya tergolong daripada Bid'ah yang mandub sepertimana yang telah disebutkan Ibnu 'Abdissalam.

- Adapun apa yang disebutkan Imam Al-Lakhmi mengenai keharaman jenis Maulid yang kedua itu, maka ianya betul pada zatnya.
- Akan tetapi hukum haram di sana disebabkan oleh perkara-perkara-perkara tambahan yang haram tersebut, dan bukan kerana perkumpulan untuk Maulid itu sendiri.
- Jika terjadi perkara-perkara yang disebutkannya itu ketika sembahyang Juma'at, maka ianya masih suatu perkara yang buruk dan teruk, namun tidak melazimkan dari yang demikian itu celaan ke atas asal perkumpulan untuk sembahyang Juma'at, dan yang demikian itu jelas.
- Sebahagian perkara-perkara tersebut ada juga didapati ketika perkumpulan sembahyang Tarawih, namun sepertimana kita tidak mengharamkan perkumpulan sembahyang tarawih kerana perkara-perkara tersebut, malah asal hukumnya ialah sunat, maka seperti itu juga perkumpulan Maulid.
- Lahirnya Baginda merupakan ni'mat yang paling agung bagi kita, dan kewafatan Baginda pula merupakan musibah yang paling besar. Adapun Syari'at menggalakkan untuk menzahirkan rasa

syukur atas segala ni'mat, dan bersabar serta bertenang ketika musibah. Lihatlah ketika kelahiran anak kecil, Syara' memerintahkan melakukan 'Aqiqah sebagai menzahirkan rasa syukur dan kegembiraan, dan Syara' tidak pula memerintahkan ketika kematian untuk menyembelih apa-apa atau selainnya, bahkan Syara' melarang daripada meratap.

- Maka kaedah-kaedah Syara' menunjukkan bahawa adalah elok perbuatan menzahirkan kegembiraan atas kelahiran Baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam pada bulan ini tanpa menzahirkan rasa sedih atas kewafatan Baginda.

Perkataan Al-Imam Abu 'Abdillah bin Al-Haj mengenai amalan Maulid

Al-Imam Abu 'Abdillah bin Al-Haj ada berbicara mengenai Maulid dalam Kitabnya ((Al-Madkhal)), dan Imam As-Suyuti berpendapat bahawa ianya merupakan perbicaraan yang baik, yang mana kesimpulannya ialah beliau memuji apa yang terdapat di dalam amalan Maulid daripada menzahirkan rasa syukur, dan mencela apa-apa yang haram dan mungkar yang terkandung di dalamnya. Di antara isi penting perkataan beliau ialah:

- Di antara perkara-perkara yang diadakan-adakan yang dipercayai merupakan sebesar-besar ibadat di sisi sebahagian orang pada zaman beliau ialah amalan Maulid di bulan Rabi'ulawal.
- Ianya secara umum mengandungi beberapa bid'ah dan perkara-perkara yang haram.
- Di antaranya ialah menggunakan penyanyi-penyanyi dan alat-alat muzik seperti gendang yang berloceng, seruling, dan selainnya yang digunakan sebagai alat bagi Sima'.
- Dan Sima' itu sendiri pada waktu selain daripada malam Maulid diperselisihkan hukumnya, maka apatah lagi jika ianya dilakukan pada bulan yang agung ini di mana Allah telah mengurniakan kepada kita seorang Nabi yang mulia Sallallahu 'alaihi Wasallam.

- Tiada kaitan di antara memainkan alat-alat muzik itu dengan mengagungkan bulan yang mulia ini, malah yang wajib ialah untuk membanyakkan lagi ‘ibadah dan amal kebaikan di dalamnya sebagai rasa syukur kepada Tuhan ke atas apa yang dikurniakannya kepada kita daripada ni’mat yang agung ini.
- Adapun Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam tidak menambah suatu ‘ibadah pun pada bulan ini berbanding bulan yang lain kerana kasih akan umat Baginda dan sebagai keringanan bagi mereka. Jika Baginda berbuat yang demikian, ditakuti ianya akan menjadi suatu kefardhuan ke atas umat.
- Namun terdapat isyarat kepada kelebihan bulan yang mulia ini, iaitu Hadith bahawa Baginda berpuasa hari Isnin kerana ianya hari Baginda dilahirkan. Maka memuliakan hari itu, terkandung juga di dalamnya makna bagi memuliakan bulan lahirnya Baginda Sallallahu ‘alaihi Wasallam.
- Memuliakan suatu masa atau tempat ialah dengan mengerjakan ‘ibadat-‘ibadat padanya, maka bulan Rabi’ulawal ini hendaklah dimuliakan dan diagungkan dengan mencontohi perilaku Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam yang mengkhususkan waktu dan tempat yang mulia dengan membanyakkan padanya perbuatan yang baik dan berkebajikan.

- Dan sepertimana yang disebutkan tadi, Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam tidak mengkhususkan bulan ini dengan apa-apa ‘ibadat tambahan, kerana apa yang diketahui daripada Baginda bahawa Baginda itu lebih suka akan keringanan buat umatnya, terutama sekali apa yang berkaitan dengan Baginda secara khusus.
- Tidakkah kita melihat bagaimana Baginda menjadikan kota Madinah itu tanah haram sepertimana Ibrahim menjadikan kota Makkah sebagai tanah haram? Namun tidak ada apa-apa hukuman disyari’atkan mengenai membunuh binatang buruan atau mencabut tanaman di dalamnya, iaitu sebagai keringanan kepada umat Baginda.

Apa yang Wajib dilakukan ketika Maulid?

Imam Ibnu Al-Haj lalu menjelaskan apa yang wajib dilakukan di ketika Maulid. Di antaranya ialah:

- Mengagungkan bulan yang mulia ini dengan membanyakkan amalan yang baik dan bersedekah di dalamnya, dan demikian juga perkara-perkara lain yang mendekatkan diri kepada Allah.
- Dan barangsiapa yang tidak mampu, hendaklah dia sekurang-kurangnya menjauhkan diri daripada apa yang diharamkan dan

dimakruhkan baginya, sebagai tanda pengagungan bagi bulan yang mulia ini.

- Meskipun perkara tersebut dituntut pada bulan-bulan yang lain juga, namun tuntutannya lebih kuat pada bulan ini sebagai penghormatan kepadanya, sebagaimana yang berlaku pada bulan Ramadhan, dan bulan-bulan haram. Maka hendaklah meninggalkan apa yang diada-adakan di dalam ugama, dan menjauhi tempat-tempat Bid'ah, dan apa yang tidak sepatutnya.

Perbuatan-perbuatan Mungkar ketika Maulid

Seterusnya Imam Ibnu Al-Haj menyenaraikan beberapa perbuatan mungkar yang dilakukan ketika Maulid pada zamannya, antaranya:

- Perbuatan melalaikan dan memainkan alat-alat seperti gendang, seruling, dan sebagainya.
- Beliau berkata: Dan alangkah baiknya jika mereka berhenti sehingga nyanyian sahaja, namun sebahagian mereka menyangka bahawa mereka itu beradab, lalu memulakan sambutan Maulid dengan bacaan Al-Quran, dan mereka melihat kepada siapa yang paling mengetahui mengenai cara untuk menggerakkan dan menggoncang hati manusia, dan perbuatan ini padanya terkandung beberapa kerosakan.

- Lebih membahayakan dari itu, penyanyi pada majlis itu ialah seorang pemuda yang bagus rupanya, indah suara, pakaian dan perilakunya, maka ia pun menyanyikan lagu-lagu mengenai kerinduan, dan ia melembutkan suaranya dan pergerakannya, sehingga menyebabkan fitnah bagi yang melihatnya daripada lelaki dan perempuan, lalu menimbulkan kerosakan yang sangat banyak.
- Dan segala kerosakan ini berlaku ke atas amalan Maulid jika mereka melakukan Sima'. Adapun jika tiada Sima', dan ia mengadakan jamuan sahaja dengan berniat Maulid, lalu ia memanggil saudara-saudaranya, dan tiada padanya apa-apa yang kami sebutkan tadi, maka ianya Bid'ah kerana niatnya sahaja. Kerana yang demikian itu suatu penambahan di dalam ugama, sedangkan mencontohi Salaf itulah yang lebih utama.

Kritikan atas Perkataan Ibnu Al-Haj

Seterusnya Imam As-Suyuti membuat beberapa ulasan ke atas perkataan Imam Ibnu Al-Haj tadi, di antaranya:

- Kesimpulan perkataan beliau ialah bahawa beliau tidak mencela Maulid, bahkan beliau hanya mencela apa yang terkandung di dalamnya daripada perkara-perkara yang haram dan mungkar.

- Pada awal perkataannya jelas mengatakan bahawa bulan Rabi'ulawal sepatutnya dikhususkan dengan menambah perbuatan-perbuatan yang berkebajikan, dan memperbanyakkan amalan-amalan baik serta bersedekah.
- Adapun perkataannya di hujung bahawa Maulid itu Bid'ah, maka sama ada ianya bercanggah dengan perkataannya di awal, atau difahami bahawa Bid'ah di sini ialah Bid'ah Hasanah sepertimana yang telah kami jelaskan sebelum ini.
- Atau difahami bahawa yang Bid'ah itu ialah niat Maulid sahaja, maka zahir dari perkataannya bahawa dia tidak suka untuk diniatkan sebagai Maulid, namun dia tidak ada masalah pada mengadakan jamuan dan memanggil saudara-saudara kepadanya. Dan jika kita berfikir dengan lebih mendalam, ianya tidak bersepakat dengan perkataannya di awal tadi, dimana dia menganjurkan supaya memperbanyakkan perbuatan berkebajikan pada bulan yang mulia ini dengan tujuan bersyukur kepada Allah kerana mewujudkan Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam. Inilah makna berniat Maulid, maka bagaimanakah ianya dicela sedangkan dia sendiri menggalakkannya pada awal perkataannya?
- Adapun perbuatan kebajikan semata-mata tanpa apa-apa niat, maka ia hampir-hampir tidak dapat dibayangkan, atau langsung tidak dapat dibayangkan, dan ianya bukan 'ibadah malah tiada

pahala baginya. Kerana tiada amalan tanpa niat, dan tiada niat lain di sini melainkan bersyukur kepada Allah Ta'ala atas kelahiran Nabi yang mulia pada bulan yang mulia ini.

Kemudian Imam As-Suyuti mendatangkan beberapa perkataan lain bagi Imam Ibnu Al-Haj, iaitu kata beliau:

Sebahagian daripada mereka melakukan Maulid bukan untuk mengagungkan Nabi, tapi kerana dia memiliki sejumlah wang perak yang ada pada tangan orang lain yang diberinya ketika sambutan-sambutan atau musim-musim perayaan yang lalu, dan dia ingin mengambilnya semula namun dia malu untuk menuntutnya sendiri. Maka dia pun mengadakan Maulid sehingga yang demikian itu menjadi sebab untuk dia mengambil kembali wangnya daripada manusia, dan padanya terdapat beberapa wajah daripada kerosakan, antaranya ialah bersifat dengan sifat kemunafikan, iaiatu untuk menzahirkan suatu sikap yang berlainan dengan apa yang ada di batinnya. Kerana dia menzahirkan bahawa dia mengadakan Maulid itu untuk mengejar hari Akhirat, namun pada batinnya dia ingin mengumpulkan wang perak.

Dan sebahagian daripada mereka mengadakan Maulid untuk mengumpulkan wang dirham, atau menuntut pujian manusia

kepadanya, atau supaya ia diberi pertolongan oleh mereka, dan ini juga padanya terdapat beberapa kerosakan secara jelas.

Lalu Imam As-Suyuti memberi ulasan bahawa ianya sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu celaan kepada sambutan Maulid itu terhasil daripada niat yang tidak baik, dan bukan daripada asal amalan Maulid.

Perkataan Al-Hafiz Abul Fadhl Ibnu Hajar mengenai amalan Maulid

Syeikhul Islam Abul Fadhl Ibnu Hajar Al-'Asqalani pernah ditanya mengenai amalan Maulid, lalu dia menjawab yang antara kandungan isinya ialah:

- Asal bagi amalan Maulid ialah bahawa ianya suatu bid'ah yang tidak pernah diriwayatkan perbuatannya dari seorang pun Ulama' Salafussoleh daripada tiga kurun yang terawal.
- Akan tetapi ianya mengandungi beberapa kebaikan, dan juga keburukan. Maka barangsiapa yang menjaga agar ia membuat kebaikan sahaja pada amalan ini, dan menjauhi keburukan, maka

ianya adalah bid'ah hasanah, dan jika sebaliknya maka ia bukanlah bid'ah hasanah.

- Imam Ibnu Hajar berkata bahawa telah terzahir kepada beliau bahawa bagi amalan Maulid ini suatu asal yang sabit. Iaitu sebuah Hadith yang telah sabit di dalam ((Sohihain)) yang kira-kira maknanya: (Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam telah sampai ke Madinah, lalu Baginda mendapati bahawa orang-orang Yahudi berpuasa pada hari 'Asyura, maka Baginda bertanya kepada mereka mengenainya, mereka berkata: Hari ini ialah hari di mana Allah meneggelamkan padanya Fir'aun dan menyelamatkan Musa, maka kami berpuasa pada hari ini sebagai tanda syukur kepada Allah Ta'ala.)
- Maka dapat diambil faedah darinya untuk melakukan kesyukuran kepada Allah ke atas apa yang dikurniakan-Nya daripada pemberian ni'mat atau penolakan bala' pada hari tertentu. Dan diulang perbuatan yang demikian apabila tibanya hari itu pada setiap tahun.
- Melakukan kesyukuran itu terhasil dengan perbuatan-perbuatan 'ibadat, seperti sembahyang, puasa, sedekah, dan membaca Al-Quran. Maka ni'mat apakah yang lebih agung daripada ni'mat terzahirnya Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam yang merupakan

Nabiyyurrahmah (Nabi yang membawa rahmat) pada hari tersebut?

- Maka dari itu, sepatutnya hari Maulid itu disambut pada hari ia berlaku, agar menepati kisah Musa ‘alaihissalam pada hari ‘Asyura’.
- Dan sesiapa yang tidak menyedari yang demikian itu maka dia tidak akan peduli untuk melakukan Maulid pada mana-mana hari dalam sebulan, bahkan sesetengah kaum memindahnya ke suatu hari dalam setahun, dan padanya terdapat perbincangan.

Apa yang wajib untuk dibataskan dengannya amalan Maulid

Lalu Imam Ibnu Hajar menyebutkan batasan yang wajib bagi amalan Maulid. Iaitu:

- Hendaklah apa yang dilakukan ketika Maulid itu terbatas kepada apa yang dapat difahami daripadanya rasa syukur kepada Allah Ta’ala sahaja.
- Iaitu seperti apa yang telah disebutkan sebelum ini daripada: Membaca Al-Quran, memberi jamuan, bersedekah, dan melantunkan beberapa nasyid berisi pujian terhadap Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam, atau yang berkaitan dengan

kezuhudan yang menggerakkan hati untuk berbuat kebaikan dan beramal untuk Akhirat.

Apa yang wajib dijauhi

Adapun apa yang pada kebiasaannya mengiringi sambutan Maulid itu daripada Sima', hiburan, dan seumpamanya, maka hendaklah dikatakan: Apa-apa perbuatan daripada yang demikian itu yang hukumnya mubah, iaitu yang menyebabkan kegembiraan dengan hari itu, maka tidaklah apa-apa untuk melakukannya. Adapun apa-apa perbuatan yang haram, atau makruh, atau khilaful aula, maka ianya dilarang. Selesai perkataan Imam Ibnu Hajar Al-'Asqalani.

Apa yang disebut mengenai 'Aqiqah Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam buat dirinya sendiri selepas Baginda diutus

Lalu Imam As-Suyuti menyebutkan satu lagi asal yang bagi amalan Maulid, iaitu apa yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi, dari Anas – Radhiyallahu 'anhu –: (Sesungguhnya Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam telah ber'aqiqah buat dirinya sendiri selepas kenabian.)

Yang demikian itu terjadi sedangkan datuk Baginda 'Abdul Muttolib telah ber'aqiqah buat Baginda pada hari ketujuh kelahirannya, dan

‘Aqiqah itu tidak diulang buat kali kedua. Maka difahami dari yang demikian itu bahawa sesungguhnya apa yang dilakukan Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam itu adalah bertujuan untuk menzahirkan kesyukuran ke atas Allah yang telah mewujudkan Baginda sebagai Rahmat buat seluruh ‘alam, dan untuk memuliakan Umat Baginda, sepertimana apabila Baginda berselawat ke atas diri sendiri. Oleh itu, dianjurkan ke atas kita juga untuk menzahirkan kesyukuran dengan Maulid baginda, iaitu dengan berkumpul bersama saudara-saudara, menjamu makanan, dan yang seumpamanya daripada perkara-perkara yang mendekatkan diri kepada Allah, dan menunjukkan kegembiraan.

Perkataan Al-Hafiz Syamsuddin Al-Jazari

Kemudian Imam As-Suyuti menyebutkan perkataan Imamul Qurra’ Al-Hafiz Syamsuddin Al-Jazari di dalam Kitab beliau ((‘Urfu At-Ta’rif bil Maulid As-Syarif)):

Abu Lahab telah dilihat di dalam mimpi selepas kematiannya, maka dikatakan kepadanya: Apakah keadaanmu? Maka dia berkata: Aku di dalam neraka, kecuali bahawa diringankan bagiku pada setiap malam Isnin, dan aku minum air dari dua jariku ini yang banyaknya begini – dia mengisyaratkan dengan hujung jarinya – dan yang demikian itu dari kerana aku membebaskan Thuwaibah ketika mana aku diberi berita

gembira akan kelahiran Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam, dan kerana Thuwaibah menyusukan Baginda.

Maka jika Abu Lahab seorang kafir, yang diturunkan di dalam Al-Quran celaan kepadanya,diberi ganjaran di dalam neraka kerana kegembiraannya pada malam lahirnya Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam, maka apakah keadaan seorang Muslim yang mengesakan Allah, daripada kalangan Ummat Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam yang berasa senang dengan kelahiran Baginda, dan ia berusaha dengan apa yang ia mampu dalam mencintai Baginda Sallallahu ‘alaihi Wasallam.

Maka demi hidupku, ganjarannya di sisi Tuhan Yang Mulia tentulah hanya dimasukkan ia ke dalam syurga yang penuh ni’mat dengan kemurahan Allah.

Perkataan Al-Hafiz Syamsuddin bin Nasiriddin Ad-Dimasyqi

Telah berkata Al-Hafiz Syamsuddin bin Nasiriddin Ad-Dimasyqi di dalam Kitab beliau ((Maurid As-Sodi fi Maulid Al-Hadi)):

Telah sohih bahawa sesungguhnya Abu Lahab diringankan baginya azab neraka pada hari Isnin, kerana dia telah membebaskan Thuwaibah dari sebab bergembira dengan kelahiran Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam.

Perkataan Al-Kamal Al-Adfawi

Telah berkata Al-Kamal Al-Adfawi di dalam Kitab ((At-Toli' As-Sa'id)):

Telah bercerita kepada kami sahabat kami yang 'adil Nasiruddin Mahmud bin Al-'Imad, bahawa sesungguhnya Aba Toyyib Muhammad bin Ibrahim As-Sibti Al-Maliki yang tinggal di Qus, salah seorang Ulama' yang 'Amilin, pernah berada di pejabat pada hari Maulid Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam, maka dia berkata: Wahai Faqih, hari ini ialah hari kegembiraan, berbelanjalah buat kanak-kanak. Lalu dia pun membelanjai kami.

Ini ialah bukti penerimaannya bagi Maulid dan dia tidak mengingkarinya. Sedangkan dia adalah seorang Faqih dalam Mazhab Maliki yang menguasai banyak bidang ilmu, lagi Wara', dan telah belajar kepadanya Abu Hayyan dan selainnya. Beliau wafat tahun 695 H.

Hikmah lahirnya Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam pada hari Isnin di bulan Rabi’ulawal

Imam As-Suyuti lalu menutup Kitab ini dengan menaqal perkataan Imam Ibnu Al-Haj mengenai Hikmah lahirnya Nabi pada hari Isnin di bulan Rabi’ulawal, dan bukan pula pada bulan Ramadhan, atau pada malam Lailatul Qadar, dan bukan juga pada bulan-bulan Haram, atau pada malam Nisfu Sya’ban, atau pada hari Juma’at dan malamnya. Maka terdapat 4 wajah untuk menjawabnya:

1) Apa yang telah disebut di dalam Hadith bahawa Allah Ta’ala menciptakan pokok pada hari Isnin, pada yang demikian itu suatu suatu peringatan yang agung iaitu bahawa Dia menciptakan makanan, rezeki, buah-buahan, dan kebaikan, yang dengannya berterusanlah kehidupan Bani Adam itu, dan mengeelokkan jiwa mereka padanya.
2) Sesungguhnya pada lafaz Rabi’ (sedang/sederhana) itu suatu isyarat yang baik jika dilihat daripada sudut asal perkataan, dan Telah berkata Abu ‘Abdirrahman As-Siqli: Bagi setiap orang itu suatu bahagian daripada namanya.
3) Sesungguhnya musim Rabi’ (musim bunga) merupakan musim yang paling pertengahan dan indah, dan Syari’at Baginda merupakan Syari’at yang paling pertengahan dan paling sederhana.

4) Sesungguhnya Allah berkehendak untuk memuliakan waktu lahirnya Baginda Sallallahu ‘alaihi Wasallam, jika Baginda dilahirkan di dalam waktu-waktu yang disebutkan awal tadi maka boleh jadi disangka bahawa Baginda yang dimuliakan kerana waktu lahir Baginda itu.

****

Selesai intisari dan terjemahan dengan Taufiq dan pertolongan Allah, pada malam hari Isnin, bertepatan dengan 23 Rabi’ulanwar – bulan kelahiran Baginda Sallallahu ‘alaihi Wasallam, tahun 1442 H, iaitu bersamaan 8 November 2020 M, sebagai menyahut seruan penulis Kitab Al-Imam Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuti untuk berbuat kebajikan dan amal baik pada bulan ini sebagai tanda kesyukuran atas lahirnya Baginda Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam.

Semoga Allah Ta’ala menerima dan memberi manfaat dengannya sekalian kaum Muslimin, dan ditulis disisi-Nya sebagai suatu khidmat kepada junjungan Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam, serta menjadi asbab kepada Syafa’at Baginda di hari Qiamat kelak, tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah Ta’ala jua.

وصلى الله على سيدنا ومولانا مُحَمَّد وعلى آله وصحبه وسلم. والحمد لله رب العالمين.